

Respons Muhammad Uthman El Muhammady Terhadap Ancaman Pluralisme Agama di Malaysia

Muhammad Uthman El Muhammady's Response to the Threat of Religious Pluralism in Malaysia

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil (Corresponding Author)

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
Universiti Sains Malaysia. 11800. Pulau Pinang. Malaysia.
ibrahimmajdi@usm.my

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali

Jabatan Usuluddin dan Dakwah. Akademi Pengajian Islam.
Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.
ijamh@um.edu.my

Wan Adli Wan Ramli

Jabatan Usuluddin dan Dakwah. Akademi Pengajian Islam.
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia
wanadli@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no2.1>

Abstract

This article examines Muhammad Uthman El Muhammady's response to the spread of religious pluralism in Malaysia, which is perceived as a threat to the Islamic creed. The objective of this study is to analyze his views and critiques of figures and movements promoting pluralism, particularly the influence of John Hick and local scholars such as Mohamad Hashim Kamali. The study adopts a qualitative approach through content analysis of his major works, including books, papers, scholarly articles, and lectures. The findings reveal that Muhammad Uthman El Muhammady strongly rejects religious pluralism and emphasizes the importance of returning to the principles of Ahli Sunah Waljamaah as a safeguard for Islamic faith. The significance of this study lies in clarifying the role of local Muslim thinkers in defending orthodoxy amidst the globalization of ideas. Its implications highlight the need to develop a systematic Islamic intellectual narrative through structured creed education, exposure to Sunni epistemology, and strengthening Islamic identity within integrated educational policies. This article recommends reinforcing mainstream Islamic discourse to effectively address the challenges of religious pluralism, alongside further research on the effectiveness of these approaches in a plural society and within the context of globalized thought.

Keywords: religious pluralism; Muhammad Uthman El Muhammady; John Hick; thought threat

Abstrak

Artikel ini membincangkan respons Muhammad Uthman El Muhammady terhadap penyebaran pemikiran pluralisme agama di Malaysia yang dilihat sebagai ancaman terhadap akidah umat Islam. Objektif penelitian ini adalah untuk menganalisis pandangan dan kritikan beliau terhadap tokoh-tokoh serta gerakan yang membawa fahaman pluralisme agama, khususnya pengaruh pemikiran John Hick dan tokoh tempatan seperti Mohamad Hashim Kamali. Tinjauan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap karya-karya utama Muhammad Uthman El Muhammady seperti buku, kertas kerja, artikel ilmiah dan bahan ceramah. Hasil penelitian menunjukkan bahawa Muhammad Uthman El Muhammady menolak keras fahaman pluralisme agama dan menegaskan kepentingan kembali kepada pegangan Ahli Sunah Waljamaah sebagai benteng akidah. Signifikan penelitian ini terletak pada usaha memperjelas peranan pemikir Muslim tempatan dalam mempertahankan ortodoksi akidah di tengah arus globalisasi idea. Implikasi penulisan ini menunjukkan keperluan membina naratif pemikiran Islam yang lebih sistematik melalui pendidikan akidah, pendedahan epistemologi sunni dan pengukuhan identiti Islam dalam dasar pendidikan bersepadu. Penulisan ini mencadangkan agar wacana pemikiran Islam arus perdana diperkukuh bagi menangani cabaran pluralisme agama secara berkesan, di samping kajian lanjut tentang keberkesanan pendekatan ini dalam konteks masyarakat majmuk dan globalisasi pemikiran.

Kata Kunci: pluralisme agama; Muhammad Uthman El Muhammady; John Hick; ancaman pemikiran

Pendahuluan

Isu pluralisme agama merupakan antara cabaran kontemporari yang memberikan kesan terhadap kefahaman dan pegangan akidah umat Islam di Malaysia. Fahaman ini membawa idea bahawa semua agama adalah sama dan sah dari segi kebenaran yang secara langsung bertentangan dengan prinsip akidah Islam. Dalam konteks ini, Muhammad Uthman El Muhammady merupakan antara tokoh pemikir Islam tempatan yang lantang menentang fahaman pluralisme agama. Artikel ini diketengahkan bertujuan untuk menganalisis secara terperinci respons dan pemikiran beliau terhadap ancaman pluralisme agama di Malaysia. Penelitian

dilakukan melalui sumber primer seperti penulisan, kertas kerja, ceramah dan wacana Muhammad Uthman El Muhammady yang secara langsung membincangkan isu ini.

Antara karya utama Muhammad Uthman El Muhammady yang diteliti adalah seperti buku *Falsafah Agama* John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah serta beberapa kertas kerja seminar yang dihasilkan antara tahun 2010 hingga 2012 seperti *Pluralisme Agama: Beberapa Persoalan dilihat dari Pandangan Arus Perdana Islam, Bahaya Pluralisme Agama kepada Umat Islam dan Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali Tentang Pluralisme Agama*. Dalam karya tersebut, beliau menolak keras idea John Hick yang menyamakan semua agama sebagai jalan yang sah kepada kebenaran dan menegaskan bahawa hanya Islam yang membawa kebenaran mutlak. Menurut Ismail Mina dalam kata pengantar buku tersebut, Muhammad Uthman El Muhammady berjaya menyiapkan karya sepanjang 125 muka surat itu dalam masa yang singkat sebagai usaha memberikan pencerahan kepada masyarakat mengenai bahaya fahaman pluralisme agama. Karya ini menjadi rujukan penting dalam memahami pendekatan beliau yang konsisten dengan prinsip Ahli Sunnah Waljamaah dalam mempertahankan akidah umat Islam.

Selain itu, penulisan ini turut mengemukakan kerangka asas pemikiran beliau secara menyeluruh bagi memahami pendekatan yang diambil dalam menangani fahaman pluralisme agama. Menurut Muhammad Uthman El Muhammady, pluralisme agama tidak boleh dipisahkan daripada pengaruh aliran pemikiran pascamodenisme yang telah melahirkan pelbagai fahaman baharu yang mencabar tradisi keilmuan Islam termasuklah pluralisme agama. Oleh itu, penulisan ini meneliti bagaimana Muhammad Uthman El Muhammady mengaitkan fahaman seperti pluralisme agama dengan ancaman terhadap akidah umat Islam serta cadangan beliau dalam menangani isu ini melalui pendekatan Ahli Sunnah Waljamaah.

Walaupun terdapat kajian yang membincangkan pluralisme agama secara umum, penelitian mendalam terhadap respons tokoh tempatan seperti Muhammad Uthman El Muhammady masih perlu diberi perhatian lanjutan. Justeru, penulisan ini penting kerana ia bukan sahaja mengisi jurang tersebut, tetapi juga memberikan

perspektif tempatan yang kritikal dalam memahami strategi mempertahankan akidah di era globalisasi pemikiran.

Konsep Pluralisme Agama dan Pengaruhnya di Malaysia

Pluralisme agama ialah satu fahaman yang mendakwa semua agama adalah setara dari segi kebenaran dan nilai, serta menolak eksklusiviti kebenaran mana-mana agama.¹ Dalam perspektif Islam, fahaman ini bercanggah dengan prinsip akidah yang menegaskan hanya Islam sebagai agama yang benar.² Pluralisme agama telah menjadi antara cabaran pemikiran utama dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Pada peringkat awal, fahaman ini mula berkembang di alam Melayu melalui pengaruh gerakan liberalisme agama di Indonesia khususnya melalui tokoh-tokoh seperti Jaringan Islam Liberal (JIL) yang mana aktif memperjuangkan pluralisme agama sejak akhir 1990-an.³

Di Malaysia, pengaruh pluralisme agama masih terhad sebelum tahun 2000. Ketika itu, isu ini kurang dibincangkan secara terbuka kerana belum wujud polemik yang ketara. Namun, sekitar awal tahun 2000, polemik mula tercetus apabila beberapa individu dan gerakan dikatakan membawa fahaman pluralisme agama yang mencabar kedudukan Islam sebagai agama yang benar dan eksklusif.⁴ Polemik ini menjadi perhatian apabila melibatkan tokoh berpengaruh seperti Mohamad Hashim Kamali dan organisasi Sisters in Islam.⁵

Dalam menghadapi perkembangan ini, Muhammad Uthman El Muhammady tampil sebagai antara tokoh awal yang memberikan respons terhadap ancaman pluralisme agama. Beliau menegaskan bahawa fahaman ini berpunca daripada pengaruh pascamodenisme yang membawa pelbagai fahaman baharu yang

¹ Earnie Elmie Helmi, Kamarudin Salleh dan Nur Farhana Abdul Rahman, "Perkembangan Awal Pluralisme Agama di Malaysia" (3rd International Seminar on Islamic Thought, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 18-19 September 2018).

² Haslina Ibrahim, "Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama: Sejarah Perkembangan", (Seminar Al-Qur'an dan Cabaran Pluralisme Agama, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 19-20 Julai 2011).

³ Earnie Elmie, Kamarudin dan Nur Farhana, "Perkembangan Awal Pluralisme Agama di Malaysia".

⁴ Haslina, "Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama".

⁵ Mohamad Hashim Kamali, "Islam's Religious Pluralism in Context," *The New Straits Times*, 8 Februari 2011.

meragukan. Ini kerana menurut beliau, idea pluralisme agama bertentangan dengan prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah yang menolak relativisme agama.

Respons Muhammad Uthman El Muhammady Terhadap Pluralisme Agama

Ismail Mina Zakaria, seorang tokoh pemikir Muslim dan pengasas Pertubuhan Muafakat Malaysia (MUAFAKAT) dalam kata pengantar buku *Falsafah Agama John Hick* menyatakan bahawa karya tersebut ditulis sebagai bentuk pencerahan terhadap ancaman pluralisme agama yang semakin menular dalam kalangan intelektual dan aktivis dakwah Islam di Malaysia sehingga menggugat kepercayaan terhadap asas akidah Islam.⁶ Ismail Mina turut menyebut beberapa individu dan institusi yang dikaitkan dengan penyebaran fahaman pluralisme agama di Malaysia, antaranya Hashim Kamali dan Khalid Jaafar serta institusi seperti Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS), Institut Kajian Dasar (IKD), Middle Eastern Graduates Centre (MEGC), dan Institute for the Study of Ummah and Global Understanding (ISUGU).⁷

Dakwaan terhadap institusi-institusi ini berpunca daripada penerbitan buku bertajuk *Islam dan Pluralisme Agama*, terbitan bersama IKD dan MEGC yang mana ia merupakan himpunan artikel oleh penulis luar termasuk John Hick. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan kemudiannya diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas nasihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana mengandungi unsur liberalisme dan pluralisme agama yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah.⁸ Perkembangan inilah yang menjadi pencetus kepada Muhammad Uthman El Muhammady untuk tampil memberikan respons terhadap penyebaran fahaman pluralisme agama di Malaysia. Dalam kata pengantar buku

⁶ Ismail Mina, kata pengantar, dalam Muhammad Uthman El Muhammady, *Falsafah Agama John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah* (Kuala Lumpur: Muafakat, 2012),

⁷ Ismail Mina, kata pengantar, dalam Muhammad Uthman El Muhammady, *Falsafah Agama John Hick*.

⁸ Middle Eastern Graduates Centre, *Islam dan Pluralisme Agama*, ed. Al-Mustaqeem Mahmud Radhi dan Khairul Anam Che Menter (Petaling Jaya: Middle-Eastern Graduates Centre Sdn. Bhd., 2006).

Falsafah Agama John Hick, Muhammad Uthman El Muhammady menulis:

“Oleh kerana ada orang yang hendak berusaha memasukkan aliran zindik dan kufur ini ke dalam negeri ini (Malaysia), atas nama fikiran ilmiah yang ‘maju’ bukan ‘kolot’ – Maha Suci Allah – maka terlintas pada hati penulis ini untuk memberi sedikit penerangan tentang pendirian Islam dalam Ahli Sunnah wal-Jamaah berkenaan dengan pemikiran yang mendatangkan malapetaka ini mengikut punca-punca setakat yang boleh dicapainya.”⁹

Kenyataan ini menunjukkan bahawa penulisan buku tersebut adalah satu usaha untuk mempertahankan akidah Islam berdasarkan kerangka Ahli Sunah Waljamaah dalam menghadapi cabaran pemikiran pluralisme agama. Dalam mengkritik idea John Hick, Muhammad Uthman El Muhammady terlebih dahulu memberikan latar belakang pemikiran tokoh tersebut.¹⁰¹¹ Beliau membaca dan meneliti karya-karya John Hick sebelum mengemukakan kritikan secara ilmiah. Dalam bab awal buku tersebut, Muhammad Uthman El Muhammady menghuraikan latar belakang John Hick serta konsep utama dalam falsafah agama. Ini termasuk pandangan John Hick tentang ciri asas agama-agama besar dunia, konsep ketuhanan dalam pelbagai agama, hubungan antara kelahiran dan agama seseorang, serta pandangan ahli falsafah Barat terhadap agama. Menurut huraian Muhammad Uthman El Muhammady, John Hick melihat agama sebagai satu kontinum yang dinamik dan menjadikan perkembangan agama Kristian sebagai contoh utama.¹²

Selain itu, Muhammad Uthman El Muhammady menyertakan satu bab khusus bertajuk ‘Penyelesaian Falsafah Agama John Hick’. Dalam setiap bab, beliau mengemukakan

⁹ Muhammad Uthman El Muhammady, *Falsafah Agama John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah* (Muafakat: Kuala Lumpur, 2012), 13.

¹⁰ Muhammad Uthman, *Falsafah Agama John Hick*, 15-30.

¹¹ Ismail Mina Ahmad, dalam temu bual dengan penulis, 13 September 2020.

¹² Muhammad Uthman, *Falsafah Agama John Hick*, 25-45.

pandangan John Hick dan seterusnya mengkritiknya berdasarkan nas-nas al-Quran. Sebagai contoh, dalam membahaskan takrifan agama menurut John Hick, beliau menolak pendekatan naturalistik, psikologi dan sosiologi yang digunakan yang mana menurutnya tidak mengambil kira unsur ketuhanan dan wahyu. Beliau menulis:

“...nampaknya yang mempengaruhi pengarang-pengarangnya ialah falsafah dan kajian sejarah atau pun budaya; tidak ada sebutan tentang Tuhan, wahyu, alam ghaib, manusia sebagai hamba Tuhan yang mesti mengabdikan kepadaNya.”¹³

Seterusnya Muhammad Uthman El Muhammady menegaskan bahawa pendekatan tersebut hanya mencerminkan pengalaman Barat yang telah jauh daripada konsep ketuhanan yang sebenar. Kata beliau:

“Ini agakanya kerana pengalaman agama dalam tamadun Barat sedemikian rupa hingga itu semua tidak menonjol sebab tamadun ini sudah tidak setia lagi kepada konsep Tuhan yang asal sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran dalam tentang agama sebagai hakikat-hakikat (dalam pelbagai bidang terutamanya kerohanian dan akhlak) yang diwahyukan.”¹⁴

Dalam mempertahankan kedudukan Islam sebagai satu-satunya agama yang benar, Muhammad Uthman El Muhammady memetik ayat al-Quran dalam surah al-Fath, ayat 28 yang bermaksud:

“Dialah Tuhan yang mengutuskan Rasul-Nya (yang terakhir dalam kalangan para rasul dalam seluruh sejarah umat manusia semenjak Adam a.s. hingga Rasul terakhir) dengan bimbingan dan agama yang benar untuk menjadikannya

¹³ Muhammad Uthman El Muhammady, *Falsafah Agama John Hick*, 12.

¹⁴ Muhammad Uthman El Muhammady, *Falsafah Agama John Hick*, 15.

mengatasi atas agama semuanya dan memadailah Allah sebagai saksi.”

Bukan itu sahaja, Muhammad Uthman El Muhammady turut merujuk surah al-Baqarah ayat 213 untuk menegaskan bahawa agama ialah wahyu daripada Tuhan, bukan hasil pencarian manusia seperti yang digambarkan dalam falsafah Barat. Respons Muhammad Uthman El Muhammady terhadap pluralisme agama tidak hanya tertumpu kepada kritikan terhadap John Hick, tetapi merangkumi kritikan terhadap individu dan gerakan yang menyebarkan fahaman ini di Malaysia. Beliau menyampaikan pandangan ini melalui pelbagai kertas kerja seminar dan ceramah yang disampaikan antara tahun 2010 hingga 2012, ketika isu ini hangat diperdebatkan dalam wacana awam.

Muhammad Uthman El Muhammady telah menghasilkan beberapa kertas kerja yang secara khusus membincangkan isu pluralisme agama terutamanya ketika polemik mengenai fahaman ini memuncak di Malaysia sekitar akhir tahun 2000 hingga awal 2010. Antara kertas kerja beliau yang penting dalam konteks ini termasuklah Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama – Satu Pengamatan Ringkas (2010), Pluralisme Agama: Beberapa Persoalan Dilihat dari Pandangan Arus Perdana Islam (2010), Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali tentang Pluralisme Agama (2012) dan Bahaya Pluralisme Agama kepada Umat Islam (2011).

Kertas-kertas kerja ini merupakan usaha langsung Muhammad Uthman El Muhammady dalam mendepani kelompok yang membawa pengaruh pluralisme agama di Malaysia. Melalui penulisan dan pembentangan dalam seminar, beliau menegaskan bahawa fahaman pluralisme agama bukan sahaja bertentangan dengan akidah Islam, malah berpotensi membawa kepada pemurtadan umat Islam jika tidak ditangani secara serius. Selain mengkritik idea John Hick yang dianggap sebagai rujukan utama pendukung pluralisme agama, Muhammad Uthman El Muhammady turut memberikan respons terhadap penulisan tokoh tempatan seperti Prof. Dr. Mohamad Hashim Kamali.¹⁵ Dalam

¹⁵ Muhammad Uthman El Muhammady, “Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali Tentang Pluralisme Agama,” dalam *Pluralisme Agama: Satu Gerakan Iblis*

artikel bertajuk *Islam's Religious Pluralism in Context* yang diterbitkan dalam akhbar *The New Straits Times* pada 8 Februari 2011, Hashim Kamali menukulkan beberapa ayat al-Quran untuk menyokong pandangan bahawa Islam mengiktiraf kepelbagaian agama sebagai satu bentuk kebenaran. Antara ayat yang dinyatakan ialah:

“Surely the religion before Allah is Islam (Ali Imran: 19); Whosoever seeks other than Islam as religion, it will not be accepted from him (Ali Imran: 85); And you and chose Islam to be your faith (Al-Maidah: 3).”

Menurut Hashim Kamali, ayat-ayat ini sering digunakan untuk menyatakan bahawa hanya Islam ialah agama yang benar dan hanya pengikut Islam yang akan diselamatkan. Namun, beliau cuba menafsirkan ayat-ayat ini dalam konteks yang lebih inklusif dan universal.¹⁶ Muhammad Uthman El Muhammady membalas hujah ini dengan menyatakan bahawa Hashim Kamali tidak merujuk kepada tafsiran klasik dan muktabar oleh para mufasssirin serta tidak mengambil kira *ijma'* ulama dan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang berkaitan. Beliau menulis:

“Sebagai penuntut Pemikiran Islam, penulis makalah ini memerhatikan bahawa Prof. Hashim Kamali tidak mengambil catitan tentang kedudukan perkara itu dalam kalangan mufasssirin klasik lagi *mu'tabar* berkenaan dengan ayat-ayat tersebut dan juga kedudukan *ijma'* atau persepakatan pendapat para ulama tentang perkara itu. Beliau juga tidak menyebut kedudukan tentang perkara itu sebagaimana yang ada dalam *hadith-hadith* Nabi *salla'llahu 'alaihi wa sallam*.”¹⁷

Memurtadkan Ummah, ed. Ismail Mina Ahmad (Kuala Lumpur: Muafakat, 2012), 119-130.

¹⁶ Mohamad Hashim, “Islam's Religious Pluralism in Context.”

¹⁷ Muhammad Uthman El Muhammady, *Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali tentang Pluralisme Agama, dalam Pluralisme Agama: Satu Gerakan Iblis Memurtadkan Ummah* (Kuala Lumpur: Muafakat Malaysia, 2012), 158-168.

Muhammad Uthman El Muhammady turut menolak dakwaan bahawa semua agama nabi-nabi terdahulu adalah benar dalam konteks masa kini. Beliau menegaskan bahawa walaupun agama para nabi terdahulu adalah benar pada zaman mereka, syariat tersebut telah digantikan dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagai penutup segala nabi. Beliau menyatakan:

“Kalau dikatakan semua pegangan agama, tanpa bersyarat apa-apa, adalah benar; ini bukan pendirian al-Quran dan berupa kenyataan bersifat peribadi. Kedudukan dalam Islam ialah, agama pada al-Quran adalah agama para anbia, semuanya itu benar, dan itu semua sah untuk pusingan zaman nubuwwah mereka. Apabila datang nubuwwah dan syariat Nabi Muhammad SAW, semua syariat-syariat ini tidak lagi sah.”¹⁸

Beliau menutup hujahnya dengan memberikan amaran bahawa penyebaran fahaman pluralisme agama yang menyamakan semua agama sebagai benar akan membuka pintu kepada pemurtadan umat Islam, dan beliau berdoa agar perkara tersebut dijauhkan oleh Allah SWT.¹⁹ Secara keseluruhan, kertas-kertas kerja dan penulisan Muhammad Uthman El Muhammady menunjukkan komitmen beliau dalam mempertahankan akidah Islam daripada ancaman fahaman pluralisme agama. Beliau bukan sahaja mengkritik tokoh luar seperti John Hick, tetapi juga tokoh tempatan yang cuba membawa tafsiran agama yang bercanggah dengan prinsip Ahli Sunah Waljamaah. Pendekatan beliau bersifat ilmiah, berpanduan nas al-Quran dan hadis, serta merujuk kepada tradisi tafsir dan ijma' ulama. Dalam hujahnya, Muhammad Uthman El Muhammady merujuk kepada tafsir klasik seperti Tafsir Pimpinan Ar-Rahman oleh Abdullah Basmeih dan pendapat ulama muktabar Ahli Sunah Waljamaah, menegaskan bahawa

¹⁸ Muhammad Uthman El Muhammady, *Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali*, 158-168

¹⁹ Muhammad Uthman, *Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali*, 168.

ijma' ulama menetapkan Islam sebagai satu-satunya agama yang sah selepas kedatangan Nabi Muhammad SAW.²⁰

Respons Muhammad Uthman El Muhammady Terhadap Pelbagai Aspek Pemikiran Pluralisme Agama

Dalam usaha menangani pengaruh pluralisme agama di Malaysia, Muhammad Uthman El Muhammady bukan sahaja menumpukan perhatian kepada tokoh-tokoh seperti John Hick dan Hashim Kamali, tetapi turut memberikan respons terhadap pelbagai bentuk hujah, dakwaan dan kecenderungan pemikiran yang muncul dalam masyarakat. Respons beliau merangkumi pelbagai aspek yang sering dijadikan sandaran oleh pendukung pluralisme agama, sama ada dalam bentuk tafsiran ayat al-Quran, pandangan tokoh sufi atau prinsip kebebasan beragama yang dikaitkan dengan demokrasi moden.

Antara isu yang disentuh oleh Muhammad Uthman El Muhammady adalah kecenderungan untuk menolak eksklusivisme agama atas alasan ia menjadi punca perpecahan, seperti yang dilihat dalam konflik antara sunni dan syiah. Beliau menegaskan bahawa perbezaan mazhab tidak boleh dijadikan alasan untuk menghapuskan prinsip kebenaran mutlak dalam Islam. Dalam konteks ini, pluralisme agama dilihat cuba menyamaratakan semua fahaman termasuk yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah.²¹

Muhammad Uthman El Muhammady juga mengkritik penggunaan bait-bait puisi Jalaluddin Rumi oleh sesetengah pihak untuk menyokong fahaman pluralisme agama. Menurut beliau, penggunaan karya tokoh sufi secara terpisah daripada konteks akidah Islam boleh membawa kepada salah faham yang serius. Begitu juga dengan cubaan mengaitkan persoalan falsafah seperti asal-usul manusia, tujuan hidup dan kehidupan selepas mati dengan konsep universal agama yang menurut beliau adalah satu bentuk relativisme yang menyesatkan.²² Muhammad Uthman El Muhammady turut menolak pandangan yang menyamakan prinsip

²⁰ Muhammad Uthman, *Falsafah Agama John Hick*, 60-90.

²¹ Muhammad Uthman El Muhammady, "Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama – Satu Pengamatan Ringkas" (Wacana Fahaman Pluralisme Agama dan Implikasinya Terhadap Masyarakat Islam, Pertubuhan Muafakat Malaysia (MUAFAKAT), Kuala Lumpur, 1 Mei 2010).

²² Muhammad Uthman, "Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama."

moral dalam pelbagai agama sebagai bukti bahawa semua agama menuju kepada satu kebenaran yang sama. Beliau menegaskan bahawa persamaan nilai tidak bermakna persamaan akidah, dan Islam tetap memegang prinsip bahawa hanya agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah sah selepas kedatangan baginda.²³

Dalam menjawab hujah yang menggunakan ayat al-Quran seperti “tidak ada paksaan dalam agama” dan larangan mencela sembah agama lain, Muhammad Uthman El Muhammady menjelaskan bahawa ayat-ayat ini tidak boleh dijadikan asas untuk menyokong pluralisme agama dalam erti kata John Hick. Sebaliknya, ayat-ayat tersebut menunjukkan prinsip toleransi dalam dakwah, bukan pengiktirafan terhadap kesahihan semua agama. Beliau juga menolak tafsiran terhadap ayat “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali...” sebagai dalil pluralisme agama. Menurut beliau, ayat ini menekankan kepelbagaian sosial dan budaya, bukan kesamarataan akidah.²⁴

Selain itu, Muhammad Uthman El Muhammady mengkritik pandangan yang menyatakan bahawa semua agama membawa kepada Tuhan yang satu, atau bahawa semua agama berkongsi kebenaran yang lebih tinggi di sebalik perbezaan amalan. Pandangan ini menurut beliau adalah bercanggah dengan prinsip tauhid dan wahyu dalam Islam. Beliau juga menolak kenyataan pemimpin agama tertentu yang menyamakan pluralisme agama dengan kasih sayang sejagat. Ini kerana menurut Muhammad Uthman El Muhammady, kasih sayang tidak boleh dijadikan asas untuk mengorbankan kebenaran akidah. Muhammad Uthman El Muhammady turut memberikan perhatian kepada kecenderungan sesetengah pihak yang mengangkat nilai Barat seperti kebebasan bersuara, kebebasan media dan demokrasi sebagai nilai universal yang sepatutnya diterima oleh umat Islam. Beliau berhujah bahawa nilai ini perlu ditimbang berdasarkan neraca syariah, bukan semata-mata kerana ia popular dalam sistem demokrasi moden. Muhammad Uthman El Muhammady juga menolak pandangan yang menyamakan amalan spiritual seperti ‘mantra’ dalam agama

²³ Muhammad Uthman, “Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama.”

²⁴ Muhammad Uthman, *Falsafah Agama John Hick*, 90-110.

Timur dengan ‘Lord’s Prayer’ dalam Kristian, serta pandangan bahawa syariat Islam bersifat dinamik dan boleh berubah mengikut zaman. Menurut beliau, walaupun terdapat ruang ijihad dalam syariat, asas akidah dan hukum tetap tidak boleh diubah.²⁵

Akhir sekali, Muhammad Uthman El Muhammady menegaskan bahawa penyelewengan dalam penafsiran jihad oleh segelintir pihak tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak prinsip jihad secara keseluruhan. Beliau menolak tindakan mengeneralisasi yang menyamakan tindakan ekstremis dengan ajaran Islam arus perdana. Melalui pelbagai kertas kerja dan ceramah, Muhammad Uthman El Muhammady telah menjawab isu ini secara sistematik dan ilmiah. Beliau menekankan bahawa penyelesaian terhadap kekeliruan ini adalah dengan kembali kepada wacana Ahli Sunah Waljamaah yang berteraskan al-Quran, hadis, ijma’ dan qiyas. Pendekatan ini menurut beliau adalah benteng utama dalam mempertahankan akidah umat Islam daripada ancaman pluralisme agama yang bersifat relativistik dan liberal.²⁶

Perbandingan ini memperlihatkan bahawa berbeza dengan pendekatan inklusif yang cuba menggabungkan nilai liberal Barat dengan tafsiran agama, Muhammad Uthman El Muhammady mengekalkan pendekatan normatif yang berpaksikan autoriti wahyu dan tradisi tafsir klasik. Perbezaan ini menonjolkan pertembungan antara paradigma liberal dan ortodoksi dalam wacana pemikiran Islam kontemporari yang menjadi isu penting untuk kajian lanjut

Wacana Ahli Sunah Waljamaah Sebagai Penyelesaian

Sebagai seorang tokoh pemikir Islam kontemporari yang berpegang teguh kepada kerangka Ahli Sunah Waljamaah, Muhammad Uthman El Muhammady melihat wacana ini sebagai asas utama dalam menangani ancaman pemikiran pluralisme agama. Beliau menegaskan bahawa pendekatan Ahli Sunah Waljamaah bukan sahaja relevan dalam mempertahankan akidah, tetapi juga berperanan sebagai kerangka peradaban yang

²⁵ Muhammad Uthman, “Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama.”

²⁶ Muhammad Uthman, “Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama.”

menyeluruh dalam membina masyarakat Islam yang berdaya tahan terhadap arus pemikiran pascamodenisme.²⁷

Antara cadangan Muhammad Uthman El Muhammady yang bersifat strategik adalah keperluan untuk memperluas pendedahan terhadap epistemologi dan sistem nilai sunni kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan akademik, pelajar dan orang awam. Pendedahan ini dilihat sebagai benteng intelektual, rohani, moral dan budaya dalam menghadapi cabaran pemikiran asing yang meresap ke dalam wacana keilmuan Islam. Beliau turut menekankan pentingnya pembinaan identiti negara bangsa yang berasaskan paksi Melayu Islam sunni dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan antarabangsa. Dalam konteks ini, beliau mencadangkan agar muhasabah budaya dilakukan secara berkala untuk menilai keberkesanan tindakan yang diambil serta memastikan matlamat pembangunan identiti Islam tidak tersasar.²⁸

Muhammad Uthman El Muhammady juga menyeru agar kesedaran tentang identiti Islam disebarkan secara menyeluruh kepada semua pihak daripada pemimpin tertinggi hingga ke akar umbi agar tindakan yang diambil benar-benar berkesan. Beliau memetik pandangan tokoh seperti Ziauddin Sardar yang menolak aliran pemikiran Barat dan mempromosikan budaya tempatan sebagai asas kepada pembangunan masyarakat Islam yang autentik. Beliau juga menyokong pandangan Md Salleh Yaapar yang menyatakan bahawa Islam walaupun membuat tuntutan kebenaran yang universal, tidak bersifat hegemonik dan tidak mengecewakan manusia, justeru kewujudannya sebagai agama tidak seharusnya dinafikan.²⁹

Dalam kertas kerja mengenai ajaran dan pemikiran sesat, Muhammad Uthman El Muhammady mencadangkan agar pendidikan dan penyebaran akidah Ahli Sunah Waljamaah dilakukan secara sistematik melalui saluran pendidikan formal, media, institusi masjid dan persatuan belia. Beliau menekankan bahawa huraian akidah perlu disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami dan berkesan untuk semua golongan sasaran.

²⁷ Muhammad Uthman El Muhammady, "Gerakan Aliran Pemikiran Baru dan Cabarannya kepada Umat Islam" (Seminar Isu-Isu Semasa Tamadun Umat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 7 Februari 2009).

²⁸ Muhammad Uthman, "Gerakan Aliran Pemikiran Baru."

²⁹ Muhammad Uthman, "Gerakan Aliran Pemikiran Baru."

Selain itu, beliau menekankan kepentingan pendedahan terhadap epistemologi sunni melalui seminar dan program intelektual di peringkat negeri, kebangsaan dan serantau. Menurut beliau, pendekatan ini penting untuk memandu umat Islam agar berpegang kepada keyakinan yang sahih dalam menghadapi pelbagai arus pemikiran sesat, sama ada yang berasal dari dalam masyarakat Islam sendiri atau yang datang dari luar.³⁰

Dalam kerangka peradaban Islam, Muhammad Uthman El Muhammady menekankan bahawa konsep tauhid merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk pemahaman tentang Tuhan, manusia, masyarakat, ilmu dan tamadun. Beliau melihat Nabi Muhammad SAW sebagai sumber dan panduan utama kepada ilmu pengetahuan serta kehidupan bertamadun. Dalam hal ini, beliau menegaskan bahawa kemajuan ilmu dan teknologi perlu dinilai berdasarkan manfaatnya kepada umat, dan bukan semata-mata atas dasar kemodenan. Beliau juga menekankan kedudukan ilmu dalam Islam yang seimbang antara wahyu dan akal, serta keharmonian antara ilmu agama dan ilmu duniawi. Menurut beliau, pendekatan Ahli Sunah Waljamaah menekankan integrasi antara ilmu *'aqli* dan *naqli*, serta keseimbangan antara seni, sains dan teknologi sebagai asas kepada pembangunan tamadun Islam yang berteraskan nilai wahyu.³¹ Cadangan ini membuka ruang kepada pelaksanaan dasar pendidikan bersepadu yang menekankan integrasi ilmu wahyu dan ilmu kontemporari, di samping kajian lanjut tentang keberkesanan pendekatan epistemologi sunni dalam membina daya tahan masyarakat terhadap fahaman liberal dan pluralisme agama.

Kesimpulan

Muhammad Uthman El Muhammady merupakan antara tokoh pemikir Islam awal di Malaysia yang tampil secara aktif dalam

³⁰ Muhammad Uthman El Muhammady, "Ajaran dan Pemikiran Sesat dalam Konteks Islam," *Blog Tradisional Islam*, diakses 20 Jun 2020, <https://blogtradionalislam.wordpress.com/>.

³¹ Muhammad Uthman El Muhammady, "Doktrin Asha'irah dalam Perspektif Pembinaan Ummah Islamiyyah: Satu Pengamatan Awal," laman sesawang *Wordpress Usrah Pertubuhan Muafakat Sejahtera Malaysia (MUFAKAT)*, diakses 15 Jun 2020, <https://muafakatmalaysia.wordpress.com/wp-content/uploads/2009/04/doktrin-ashai-rah-dalam-perspektif-pembinaan-ummah-islamiyyah1.pdf>.

memberikan respons terhadap ancaman pemikiran pluralisme agama. Melalui pelbagai medium seperti penulisan, kertas kerja, wacana ilmiah dan ceramah, beliau telah memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran masyarakat Islam terhadap bahaya fahaman ini yang semakin menular dalam wacana keagamaan tempatan. Dalam membahaskan isu pluralisme agama, beliau menegaskan bahawa fahaman ini bukan sekadar satu teori akademik, tetapi merupakan ancaman ideologi yang mampu menggugat kefahaman umat Islam terhadap konsep kebenaran mutlak dalam agama.

Beliau telah mengemukakan hujah dan kritikan ilmiah terhadap tokoh pluralisme antarabangsa seperti John Hick, serta tokoh tempatan seperti Mohamad Hashim Kamali dan Khalid Jaafar yang dilihat cenderung kepada fahaman tersebut. Melalui karya-karya dan kertas kerja, Muhammad Uthman El Muhammady bukan sahaja membongkar kelemahan hujah pluralisme agama, tetapi turut menawarkan penyelesaian yang berpaksikan kepada kerangka Ahli Sunah Waljamaah. Pendekatan ini bukan sahaja sahih dari sudut akidah, tetapi juga berpotensi menjadi asas kepada pembinaan tamadun Islam yang seimbang antara akal dan wahyu serta antara ilmu dan nilai.

Keseluruhannya, sumbangan Muhammad Uthman El Muhammady dalam menangani isu pluralisme agama di Malaysia memperlihatkan ketegasan beliau dalam mempertahankan akidah umat Islam serta keupayaan beliau mengemukakan wacana alternatif yang berakar pada tradisi keilmuan Islam. Sebagai langkah praktikal, cadangan Muhammad Uthman El Muhammady tentang pendidikan akidah secara sistematik, pendedahan epistemologi sunni dan pengukuhan identiti Islam melalui dasar pendidikan bersepadu wajar diberi perhatian oleh pihak berautoriti. Kajian lanjut juga perlu dilakukan untuk menilai keberkesanan pendekatan ini dalam membina daya tahan masyarakat terhadap fahaman liberal dan pluralisme agama, serta mengkaji bagaimana wacana Ahli Sunah Waljamaah dapat diadaptasi dalam konteks globalisasi pemikiran. Pendekatan beliau wajar dijadikan rujukan dalam usaha berterusan memperkukuh kefahaman Islam yang autentik dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Cet. ke-7. Kuala Lumpur: Darulfikir, 2021.
- Earnie Elmie Helmi, Kamarudin Salleh dan Nur Farhana Abdul Rahman. "Perkembangan Awal Pluralisme Agama di Malaysia." 3rd International Seminar on Islamic Thought, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 18-19 September 2018.
- Haslina Ibrahim. "Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama: Sejarah Perkembangan." Seminar Al-Qur'an dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperihalan Semasa dan Hala Tuju Masa Depan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 19-20 Julai 2011.
- Ismail Mina. *Falsafah Agama John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah*. Ed. Muhammad Uthman El Muhammady. Kuala Lumpur: Muafakat, 2012.
- Ismail Mina Ahmad. Temu bual, 13 September 2020.
- Mohamad Hashim Kamali. "Islam's Religious Pluralism in Context." *The New Straits Times*, 8 Februari 2011.
- Muhammad Uthman El Muhammady. *Falsafah Agama John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah*. Kuala Lumpur: Muafakat, 2012.
- Muhammad Uthman El Muhammady. "Memeriksa Semula Pandangan Hashim Kamali Tentang Pluralisme Agama." Dalam *Pluralisme Agama: Satu Gerakan Iblis Memurtadkan Ummah*. Ed. Ismail Mina Ahmad. Kuala Lumpur: Muafakat, 2012.
- Muhammad Uthman El Muhammady. "Pluralisme Agama: Beberapa Persoalan Dilihat dari Pandangan Arus Perdana Islam." Wacana Pemikiran dan Pembinaan Ummah 2 Peringkat Kebangsaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur, 14 Disember 2010.
- Muhammad Uthman El Muhammady. "Ajaran dan Pemikiran Sesat dalam Konteks Islam." *Blog Tradisional Islam*, diakses 20 Jun 2020, <https://blogtradisionalislam.wordpress.com/>.

Muhammad Uthman El Muhammady. "Beberapa Isu dalam Pluralisme Agama – Satu Pengamatan Ringkas." Wacana Fahaman Pluralisme Agama dan Implikasinya Terhadap Masyarakat Islam, Pertubuhan Muafakat Malaysia (MUAFAKAT), Kuala Lumpur, 2010.

Muhammad Uthman El Muhammady. "Bahaya Pluralisme Agama kepada Umat Islam." Wacana Isu-isu Semasa Aqidah: Pluralisme Agama dengan Tema 'Membanteras Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah. Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, 15 Januari 2011.

Muhammad Uthman El Muhammady. "Gerakan Aliran Pemikiran Baru dan Cabarannya kepada Umat Islam." Seminar Isu-Isu Semasa Tamadun Umat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 7 Februari 2009.

Muhammad Uthman El Muhammady. "Doktrin Asha'irah dalam Perspektif Pembinaan Ummah Islamiyyah: Satu Pengamatan Awal." Laman sesawang *Wordpress Usrah Pertubuhan Muafakat Sejahtera Malaysia (MUAFAKAT)*, diakses 15 Jun 2020,

<https://muafakatmalaysia.wordpress.com/wp-content/uploads/2009/04/doktrin-ashairah-dalam-perspektif-pembinaan-ummah-islamiyyah1.pdf>.